



## **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
WISMA TANI, BLOK PODIUM, LOT 4G1, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA



Telefon : 03 – 8870 2217 03 – 8870 2253 Faks : 03 – 8888 0579, 03 – 8888 6051 (KP)  
E-mail : [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)

### **KENYATAAN MEDIA**

*Oleh;*

**YB TUAN CHUA TEE YONG**

**Timbalan Menteri Pertanian**

**Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani**

**1 November 2010 (Isnin)**

## **MAJLIS MENANDATANGANI PROTOKOL PENGURUSAN PRODUK TELUR DI ANTARA MALAYSIA DAN P.R. CHINA**

1. Protokol “Management of Egg Products” telah ditandatangani pada 1 November 2010 di antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Malaysia dan General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine (AQSIQ), P.R. China. YB Tuan Chua Tee Yong, Timbalan Menteri Pertanian, MOA menyaksikan pertukaran dokumen persetujuan di antara JPV dan AQSIQ di majlis tersebut.
2. Dengan termeterainya persetujuan protokol ini, laluan pasaran bagi produk telur dari Malaysia ke China dan juga dari China ke Malaysia telah dipermudahkan. Malaysia telah membenarkan negara China untuk mengeksport telur itik masin, “preserved duck egg” dan produk hasil telur yang lain.
3. JPV di bawah MOA telah dilantik sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan produk dari segi pemeriksaan, kuarantin dan pensijilan serta sanitari bagi produk telur yang dieksport ke China. Manakala AQSIQ telah dipertanggungjawabkan untuk menyelia pemeriksaan, kuarantin, pensijilan dan sanitari bagi produk telur yang dieksport ke Malaysia.

4. Bagi memastikan keselamatan produk telur yang dieksport, JPV selaku agensi yang bertanggungjawab telah melaksanakan Sijil Amalan Ladang Ternakan (SALT) di ladang ternakan dan pensijilan *Veterinary Health Mark* (VHM) di peringkat pemprosesan.
  
5. Pada tahun 2009, sebanyak 7,629 billion telur telah dikeluarkan dan dianggarkan sejumlah 8,295 billion telur akan dapat dihasilkan pada tahun 2010. Sebanyak 1,166.35 billion telur bernilai RM 297,153 juta telah dieksport ke luar negara pada tahun 2009. Negara seperti Singapura, Hong Kong, Brunei dan Indonesia merupakan pengimport utama telur dari Malaysia. Terdapat peningkatan sebanyak 40% dalam jumlah telur yang dieksport berbanding pada tahun 2008.